



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Aidiladha

24 September 2015 / 10 Zulhijjah 1436

Menghayati Erti Pengorbanan

الله أَكْبَرُ 9x

الله أَكْبَرُ، مَا تَقَرَّبَ الْعَبْدُ بِقُرْبَانٍ.

الله أَكْبَرُ، مَا رَغِبَ الْعَابِدُونَ فِي الْغُفْرَانِ.

الله أَكْبَرُ، مَا حَمَدَهُ الْإِنْسُ وَالْجَانُ.

الله أَكْبَرُ، مَا جَرَّتِ الْكَوَاكِبُ بِحُسْبَانٍ.

الله أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ وَاللهُ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ هَذَا الشَّهْرَ وَجَعَلَ عِبَادَةَ الْحَجِّ وَعِيدَ

الْأَضْحَى مِنْ شَعَائِرِ اللهِ وَإِحْيَاءَهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا

إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ

وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اتَّقُوا اللهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ، فَقَدْ

فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Saudara sidang jemaah yang dirahmati Allah,
Di pagi hari yang penuh berkah ini, saya dengan penuh rendah hati ingin mengajak saudara-saudara kaum Muslimin dan Muslimat sekalian, untuk sama-sama memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah s.w.t. Yang mana dengan kasih sayangNya, kita masih terus dikurniakan nikmat keimanan dan kehidupan. Marilah juga kita doakan semoga Allah menerima segala amalan saudara-mara kita yang sedang giat menyempurnakan ibadah haji mereka. Mudah-mudahan mereka terus sihat dan selamat serta dipulangkan ke pangkuan kita dengan kesucian jiwa dan kebeningan hati. Mudah-mudahan juga, segala amalan yang telah kita kerjakan pada awal Zulhijjah ini diterima Allah dan mengundang keampunan dan keredhaanNya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

Kaum muslimin dan muslimat yang saya kasihi,
Bulan Zulhijjah akan selalu mengingatkan kita pada ibadah agung haji. Ia merupakan puncak perhimpunan jiwa-jiwa yang beriman di Baitullah dan Kaabah yang suci. Semenjak dibina oleh Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya, Kaabah telah menjadi tumpuan satu bentuk ibadah yang kekal sebagai salah satu syiar Islam sehinggalah hari ini. Ibadah agung haji dipenuhi dengan pelbagai amalan agama yang perlu dituruti, dari menunaikan haji dan bertawaf di Baitullah, kepada perhimpunan insan-insan di padang Arafah. Jika kita amati,

amalan yang ditentukan bagi ibadah haji bukan hanya setakat perbuatan yang kosong tanpa pengertian. Ibadah Haji merupakan perjalanan yang mengajar kita erti kerendahan hati dan diri di hadapan Allah s.w.t. Ia juga merupakan perjalanan kerohanian bagi insan untuk membina hubungannya dengan tuhan, di waktu yang sama menimbulkan kesedaran akan aspek menjaga hubungan dengan insan yang lain.

Pada ketika manusia berhimpun di padang Arafah, lelaki dan wanita, yang kaya mahupun miskin, semuanya berpakaian asas tanpa solekan dan perhiasan mewah. Ia bertujuan mengingatkan kita betapa manusia ini pada hakikatnya di hadapan Allah tidak akan dinilai mengikut kedudukannya, kekayaannya, bangsanya mahupun keturunannya. Yang dipandang Allah adalah ketakwaan, kejernihan hati, kesungguhan beribadah dan menabur kebaikan. Ia bertujuan mengingatkan manusia bahawa betapa hebat pun kita menyayangi harta dan kemewahan dunia ini, kita akhirnya akan kembali kepada Allah hanya membawa bekal amal dan ketakwaan dengan dibalut beberapa helai kain pada tubuh yang akan hancur. Semuanya akan kita tinggalkan dan akan meninggalkan kita. Sesuai dengan firman Allah s.w.t. dalam Surah As-Shu'ara ayat 88 dan 89:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Yang bermaksud: *“Hari [Kiamat] yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. Kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera”*.

Kerendahan hati dan jiwa ini yang akan kemudian mengundang pengampunan Allah kepada pemiliknya saudara. Ia juga adalah tanah subur yang menumbuhkan keihsanan, kemanusiaan dan kasih sayang dalam jiwa seorang Mukmin. Oleh itu kita dapati Nabi s.a.w. bersabda *“Barangsiapa berhaji ke Baitullah tanpa berkata keji, tanpa bersetubuh (selama ihram) dan tanpa berbuat kefasikan, maka dia pulang (tanpa dosa) bagaikan bayi yang baru lahir.”* [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim]

Nah, perhatikan saudaraku, bagaimana Nabi s.a.w. menegaskan dalam hadith tersebut bahawa kesempurnaan ibadah haji bergantung juga kepada bagaimana kita menjaga hubungan kita sesama insan. Ini sekaligus mengingatkan kita bahawa jika kita ingin memperbaiki hubungan kita dengan Allah, kita juga perlu memperbaiki dan memelihara hubungan kita dengan orang lain.

Ini juga mengingatkan kita bahawa keimanan seharusnya mencambahkan akhlak yang indah, ibadah seharusnya melahirkan hati yang bening dan bersih serta perilaku yang mulia. Jika kita berusaha beribadah namun pada masa yang sama akhlak kita masih lagi tidak berubah menjadi lebih baik,

maka bermuhasabahlah. Dikhuatiri masih lagi terdapat kepincangan pada hati dan niat kita melakukan ibadah dan amal kebaikan.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

Kaum muslimin dan muslimat yang saya kasihi,
Puncak ibadah haji adalah perhimpunan manusia di Arafah. Di situ kita menyaksikan jutaan manusia daripada pelbagai bangsa dan negara berhimpun memohon rahmah Tuhan yang satu. Perhimpunan ini bukan setakat perhimpunan. Kita diajak mengenang kehebatan Allah s.w.t. dalam penciptaan manusia. Bagaimana manusia yang asalnya daripada setitis air boleh menjadi begitu pelbagai dalam bentuk rupa, bahasa, budaya dan fikiran. Dalam berhimpun dengan jutaan jemaah haji yang lain, kita diingatkan bahawa kepelbagaian manusia merupakan kehendakNya dan tanda keagunganNya. Firman Allah s.w.t. surah Huud ayat 118 - 119:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾
إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ قُلُوبًا وَيَمْتُ كَلِمَةً رَبِّكَ لِأَمْثَلًا
جَهَنَّمَ مِّنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾

Yang bermaksud: “Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka masih berselisih pendapat, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhan-Mu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka”.

Ayat ini mengajar kita bahawa perbezaan merupakan takdir Allah s.w.t. Dr. Taha Jabir Alwani mengingatkan kita di dalam karangannya *Adab Ikhtilaf*, bahawa perbezaan pendapat tidak seharusnya membawa kepada perpecahan. Beliau mengingatkan bahawa perselisihan pandangan jika tidak dipandu hati yang bersih dan adab yang baik boleh melarat sehingga membawa perpecahan apabila ia dipengaruhi sifat hasad, dengki dan menyombong diri.

Untuk itu adalah penting bahawa apabila kita berdepan dengan orang yang mempunyai perbezaan dengan kita, tumpukan dahulu pada persamaan yang ada antara kita. Bayangkan saudara, perhimpunan jemaah haji yang berbeza latar belakang adat, bangsa dan perangai di satu tempat terbatas seperti Arafah boleh menjadi satu wadah pergeseran dan sengketa. Namun mengapa mereka boleh melaksanakan ibadah dengan ketenangan dan keharmonian? Ini antara lain adalah kerana mereka mengiktiraf persamaan utama yang ada di antara mereka, iaitu mereka menyembah Tuhan yang Satu, Nabi yang Satu, membaca kitab suci yang Satu. Ini menunjukkan jika kita mula menumpukan kepada persamaan yang wujud, perasaan syak dan bimbang terhadap perbezaan akan dapat kita atasi.

Terlalu sering saudara, kita dapati antara masyarakat Islam sendiri yang seringkali menekankan bagaimana mereka berbeza dengan saudara Islamnya yang lain. Bahkan mereka lebih gemar menonjolkan perbezaan fahaman, cara pakaian

dan sebagainya. Mereka merasakan bahwa kumpulan ataupun kecenderungan yang mereka pilih itu sahaja yang paling benar di sisi Allah.

Berhati-hatilah apabila kita mula merasakan demikian. Syaitan akan menyelinap masuk ke dalam hati kita dan akan meniupkan api permusuhan dan hasad dengki yang diselaputi kesombongan dan keinginan untuk menewaskan orang lain. Mohonlah perlindungan Allah daripada perasaan sedemikian. Bebaskan diri kita daripada pemikiran sedemikian dan kembalilah menumpukan kepada persamaan yang wujud antara kita. Pemikiran sedemikian bukan hanya akan memperkukuh hubungan kita sesama Muslim tetapi juga akan menjadikan kita seorang Muslim yang dapat bekerjasama dengan baik bersama mereka yang berlainan bangsa mahupun agama. Ini lebih-lebih lagi apabila kita mempertimbangkan juga bagaimana kita semua adalah pada asalnya makhluk Allah s.w.t.

Selain menumpukan kepada persamaan yang wujud antara kita saudara, kita juga perlu menumpukan perhatian kepada bagaimana kita yang berbeza pandangan dan pemikiran boleh bersama dalam melakukan kebaikan dan menghadapi cabaran. Saudara, tidak kiralah apa jua kecenderungan keagamaan kita, ataupun bangsa, terdapat banyak ruang kebaikan yang boleh kita kongsi bersama. Biar berbeza mana pun pandangan kita, kita masih lagi boleh bersatu sebagai contoh membantu

golongan yang memerlukan untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan. Kita boleh bersama dalam usaha membina daya tahan belia dalam berhadapan cabaran sosial dan membantu mereka yang sudah terjebak dalamnya untuk memperbaiki diri dan keluarga.

Bahkan lebih dari itu, kita boleh bersama dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat akan krisis alam sekitar dan bagaimana kita boleh menyumbang kepada pembaikannya. Semua ini dan banyak lagi cabaran yang kita kongsi bersama sebagai penduduk Singapura dan dunia ini memerlukan kita untuk bersatu. Ini merupakan sesuatu yang dapat kita ambil daripada perhimpunan jemaah haji di Arafah. Antara sebab mereka dapat bersatu meskipun perbezaan yang ada di antara mereka adalah kerana mereka semua mempunyai tujuan kebaikan yang dikongsi bersama, iaitu mendapatkan keredhaan Allah daripada ibadah haji yang mabrur.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

Saudaraku,

Perbezaan yang ada di antara kita, tidak kiralah perbezaan pandangan sosial, politik mahupun agama, perlu selalu kita saluti dengan persefahaman. Jika terdapat pandangan saudara kita yang terlalu dan amat tidak kita setuju, berdialog lah dengan cara baik. Jangan kita ikutkan tren tidak sihat di media

sosial yang hanya istilahnya melempar batu sembunyi tangan. Di mana orang kini dengan mudah melontarkan kata-kata kesat, menghina mereka yang tidak disetujui pandangannya atau lebih buruk lagi memfitnah kemudian bersembunyi.

Ini bukan sunnah yang diajarkan Nabi s.a.w. Akan tetapi, bertemulah secara fizikal dan berbincang dengan beradab dan jujur. Ini akan mewujudkan kemesraan atau sekurang-kurangnya perasaan hormat yang mungkin tidak kita bayangkan sebelumnya. Untuk itu, Allah s.w.t. berpesan di dalam Surah Fusshilat: 34-35:

وَلَا تَسْتَوِ الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي
بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾
وَمَا يُلْقَىٰهَا إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَمَا يُلْقَىٰهَا إِلَّا ذُو حِظٍّ عَظِيمٍ ﴿٣٥﴾

Yang bermaksud: *“Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, sehingga (apabila ada) orang yang ada rasa permusuhan antara kamu dengannya, dia akan (menjadi) seperti teman yang setia. Dan (sifat-sifat yang baik itu) tidak akan dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang sabar, dan tidak akan dianugerahkan (sifat-sifat tersebut) melainkan kepada orang-orang yang mempunyai keuntungan yang besar.”*

Mudah-mudahan dengan penghayatan kita akan perjalanan ibadah haji pada pagi hari ini, Allah akan menyatukan hati-hati

kita sebagai sebuah masyarakat. Teruskan usaha memartabatkan agama kita di mata dunia dengan menjadi masyarakat yang kuat kerohaniannya serta berjaya dalam pencapaian pendidikan, sosial dan ekonominya. Semoga Allah memandu jiwa dan minda kita untuk selalu menumpukan kepada persamaan dan mencenderungkan hati kita untuk berusaha bersama dalam menghadapi cabaran yang dikongsi sama. Mudah-mudahan Allah memartabatkan Islam melalui kita dan menjadikan kita wakilnya yang giat menabur kebaikan dan bakti kepada seluruh dunia.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

Marilah Saudaraku, di pagi yang mulia ini, di tempat yang mulia ini, kita mengambil kesempatan untuk mendoakan kesejahteraan buat semua.

Ya Allah Ya Qawiy Ya Matin,

Dengan penuh rendah diri kami bermohon kepada-Mu, lindungilah saudara-saudara kami yang sedang menghadapi konflik dan krisis kemanusiaan di mana sahaja mereka berada.

Kembalikanlah Ya Hafiz Ya Muqit, keselamatan dan keamanan kepada saudara-saudara seinsan kami yang sedang dalam kegelisahan dan kebimbangan. Letakkanlah ketenangan dan ketabahan di dalam hati-hati mereka agar teguh menghadapi cabaran mereka. Berikan mereka ketenangan dan kesejahteraan. Bebaskanlah mereka daripada sebarang

kesukaran dan kesulitan. Permudahkan Ya Allah urusan mereka, lindungilah anak-anak mereka, keluarga mereka dan agama mereka.

Satukan hati-hati kami Ya Allah. Isilah piala hati kami dengan kasih sayang kepadaMu dan ihsan terhadap makhlukMu. Hiasilah diri dan keluarga kami dengan pakaian akhlak NabiMu. Bantulah kami dalam mengharungi cabaran dariMu. Kurniakanlah kami kejayaan apabila kelak bertemuMu. Perkenankanlah permohonan dan pengharapan kami, Ya Mujib Ya Rahman Ya Rahim. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

KHUTBAH KEDUA

24 September 2015 / 10 Zulhijjah 1436

الله أكبر 7x

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَعَادَ الْأَعْيَادَ وَكَرَّرَ. أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ أَنْ
خَلَقَ وَصَوَّرَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
شَهَادَةً يَتَّقُلُ بِهِ الْمِيزَانَ فِي الْمَحْشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْفَائِزِينَ بِالشَّرَفِ
الْأَفْخَرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

وَصَلُّوا عِبَادَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِ الْهُدَى وَخَيْرِ الْوَرَى فَقَدْ
أَمَرَكُمْ بِذَلِكَ الْمَوْلَى جَلَّ وَعَلَا حَيْثُ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى رَسُولِكَ الْمُجْتَبَى وَنَبِيِّكَ الْمُصْطَفَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْخَلْقِ وَخَيْرِ الْوَرَى. وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَى.

اللَّهُمَّ وَاَرْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ
وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِيهِمْ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَغَافِرُ
الدُّنُوبِ وَالْخَطِيئَاتِ. رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا
وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ
هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا
آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ. يَا اللَّهُ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.